



JABATAN PERHUTANAN SABAH

PEMBERITAHUAN PENJUALAN LELONG KALI PERTAMA DIBAWAH SEKSYEN 37(8) ENAKMEN HUTAN 1968

1. Adalah diberitahu bahawa Jabatan Perhutanan akan menjual secara lelong awam bagi kayu balak dengan butiran kayu dan lelongan seperti yang tercatat dalam jadual dibawah ini pada **21 hb September 2021 (Selasa), jam 9.00 pagi bertempat di Pejabat Perhutanan Daerah Sipitang**. Sesiapa yang berminat untuk menyertai perlelongan ini hendaklah mendaftar **sebelum jam 9.00 pagi** pada hari lelongan dan hendaklah membayar yuran pendaftaran sebanyak **RM500.00** yang tidak dikembalikan.
2. Syarat-syarat jualan adalah seperti berikut:
 - a. Butir-butir balak dan Up-set price
 - i. Bilangan : **525 batang**
 - ii. Isipadu : **983.87 m³**
 - iii. Spesis : **Pelbagai jenis**
 - iv. Lokasi : **Tanah Kerajaan, Kg Iburu, Sipitang**
 - v. (Rujuk kelulusan JPHTN/FIT 700-5/3/16(JILID.4)/78 Bertarikh 06.09.2021

Kelas	Spesis	Bil Balak	Isipadu (m ³)	Upset Price RM/m ³	Deposit (RM)
D	MGUNT/RS/YS	43	96.31	110.00	2,000
E	ARH/ASS/BER/BIN/BY/DRA/ GL/JLT/KJ/KRY/LRN/MAG/MD/ MMP/OB/OT/PKL/SG/SIM/ TEP/TLS/TRP/PUT/PWN	482	887.56	60.00	15,000

- b) "Bid price" bermula pada RM1.00/m³ pada setiap kali sebutan (bidding). Selain daripada bayaran "up-set price", bayaran seperti royalty (RM95/m³), PPM (RM4.00/m³), "Forest Conservation Fee" (RM2.00/m³) mesti dijelaskan dan caj tambahan berjumlah RM3.00/m³ akan dikutip daripada pembida yang Berjaya dalam lelongan ini.
- c) Wang pendahuluan (deposit) sebanyak 10% daripada nilai kayu yang akan dilelong juga harus dibayar sebelum proses pelelongan dijalankan dan kesemua pembayaran hendaklah dalam bentuk "Cashier Order" atau "Bank Draft" atas nama Ketua Konservator Hutan mesti dijelaskan dengan segera oleh pembeli yang berjaya dalam lelongan tersebut dan baki harga lelongan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari (hari bekerja). Kegagalan membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan wang pendahuluan dilucut hak. Wang pendahuluan bagi yang tidak berjaya akan dikembalikan selepas sahaja proses lelongan selesai.

- d) Pelelongan adalah terbuka kepada warganegara Malaysia **yang mempunyai lesen memproses kayu-kayan atau Siiil Kontraktor kilang yang aktif sahaja dan tiada kaitan dengan balak yang dilelong**

 - e) Semua pembeli yang berdaftar dengan penjualan lelongan ini hendaklah berada di Jabatan Perhutanan Daerah Sipitang, untuk disahkan sebelum pelelongan dijalankan. Sesiapa yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan turut serta dalam pelelongan tersebut.

 - f) Pembeli yang berjaya dalam lelongan tersebut adalah diberi tempoh (2) minggu dari tarikh pembayaran untuk mengeluarkan kayu yang berkenaan dari kawasan.

 - g) Kayu lelongan tersebut hanya akan diserahkan kepada pembeli yang berjaya apabila semua bayaran telah dijelaskan sepenuhnya.
3. Jabatan Perhutanan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi ke atas sebarang kerugian yang timbul akibat kesilapan ukuran, isipadu dan keadaan kualiti balak berkenaan.
4. Butiran lanjut mengenai kayu lelongan tersebut boleh diperolehi di Pejabat Perhutanan Daerah Sipitang pada waktu pejabat melalui **No tel: 087- 821479** sebelum tarikh lelongan.

Tarikh pada hari ini, 09 hb. September, 2021

(FREDERICK KUGAN)
KETUA KONSERVATOR HUTAN